

PERNYATAAN DASAR KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (Air Selangor) beriltizam dalam memastikan keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan kebajikan semua warga kerja, kontraktor, pengguna, pelawat, orang awam dan pihak-pihak yang berkaitan.

Untuk melaksanakan dasar dengan jayanya, kami berhasrat untuk:

- ❖ Mengiktiraf objektif kesihatan, keselamatan dan alam sekitar sebagai sebahagian daripada prestasi perniagaan organisasi.
- ❖ Merumus dan komited dalam melaksana dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang mematuhi semua undang-undang kesihatan, keselamatan dan alam sekitar yang terpakai dan keperluan lain yang berkaitan.
- ❖ Berterusan melaksana, memperbaiki dan mengemaskini Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.
- ❖ Menyediakan platform untuk penyertaan warga kerja dan penglibatan dalam amalan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.
- ❖ Memantau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dan menjalankan pemantauan berkala dengan tujuan untuk mengelakkan kejadian tidak diingini, kecederaan, penyakit di tempat kerja dan impak pencemaran kepada alam sekitar.
- ❖ Menyiasat sebarang insiden dan menggunakan semua maklumat yang berkaitan untuk mengelak kejadian sama berulang.
- ❖ Mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif.
- ❖ Mengkaji semula dan menambahbaik dasar, objektif dan sasaran kesihatan, keselamatan dan alam sekitar secara berkala, di samping memastikan perkara ini difahami oleh semua warga kerja dan disediakan untuk semua pihak yang berkepentingan.

Sementara pihak pengurusan Air Selangor bertanggungjawab memastikan dasar di atas dicapai, semua warga kerja, kontraktor, pengguna, pelawat dan pihak-pihak lain yang berkaitan perlu memberi kerjasama kepada warga kerja Seksyen Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar. Adalah amat penting bahawa semua warga kerja mengaplikasikan amalan terbaik dalam melaksanakan tugas mereka dengan risiko yang minimum bukan sahaja kepada diri mereka malah juga kepada orang lain.



SUHAIMI KAMARALZAMAN

Ketua Pegawai Eksekutif

15 Januari 2020